

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS]

TARIKH : -

SOALAN

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah perancangan jangka masa panjang Kementerian dalam menangani masalah air di Parlimen Lipis yang telah berlarutan sehingga kini. Adakah Kementerian bercadang untuk membina loji baru yang mana mampu untuk menampung permintaan bekalan air ke seluruh kawasan Parlimen Lipis.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM667 ribu untuk pelaksanaan kajian bekalan air bagi daerah Lipis, Pahang. Kajian ini bertujuan menyediakan perancangan bekalan air bagi daerah Lipis hingga tahun 2030, mengenal pasti sumber bekalan baru dan menyediakan program bagi meningkatkan mutu bekalan air. Kajian ini telah bermula pada Januari 2016 dan dijangka siap pada Julai 2016. Sehubungan itu, keperluan pembinaan loji rawatan air baru bagi daerah Lipis seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, hanya akan dapat ditentukan setelah kajian tersebut disiapkan.
